

Ibu bapa usah panik wabak H1N1 di sekolah

Kementerian Pelajaran, Kesihatan laksana langkah proaktif tangani penularan virus

Oleh Amirullah Andi Nur,
Tuan Nazuri Tuan Ismail,
Sazarina Shahrim, Siti Haliza
Yusop, S Anand Kumar, Johari
Ibrahim dan Nurulfatihah Muah
bnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Suasana kelam kabut jelas dilihat di Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK) Assunta 1, apabila sebahagian besar ibu bapa bertindak membawa pulang anak mereka yang sepatutnya memulakan pembelajaran sesi petang, berikutan timbul kebimbangan selepas kes pertama jangkitan Influenza A (H1N1) membabitkan pelajar SRK Assunta 2, dikesan, Ahad lalu.

Kebanyakan ibu bapa pelajar SRK Assunta 1 yang ditemui *Berita Harian* semalam, turut meminta kerajaan menutup sekolah sesi petang itu selepas SRK Assunta 2, ditutup seminggu.

kongsi bangunan sama dan hanya berlainan pentadbiran sekolah.

“Bukan itu saja, kedatangan pelajar sesi petang pada hari ini (semalam) juga kurang memberangsangkan kerana ibu bapa khuatir dengan kenyataan yang pelajar sekolah ini berkongsi bangunan yang sama dengan pelajar SRK Assunta 2.” katanya ketika ditemui di sekolah itu, semalam.

Pendapat sama turut dinyatakan seorang bapa pelajar SRK Assunta 1, Zairi Lazli Zainal, yang ditemui ketika membawa pulang anaknya, iaitu seorang pelajar sesi petang Tahun Dua di sekolah itu.

“Saya berasa khuatir mahu menghantar anak saya ke sekolah, dan disebabkan itu saya mengambil keputusan membawa anak saya pulang semula ke rumah. Jika keadaan semakin serius, baiklah sekira-

keadaan pelajar masing-masing dan segera merujuk kes yang ada tanda-tanda jangkitan. Semua sekolah juga diarahkan memastikan persekitaran sekolah sentiasa bersih, terutama tandas, bilik darjah, kantin dan sebagainya,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Di **SHAH ALAM**, Pengarah Pelajaran Selangor, Dr Zahri Aziz, berkata seramai 15 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seksyen 9, di sini, semalam diarah pulang sehari untuk pemeriksaan selepas mereka didapati baru kembali dari luar negara, sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengekang wabak H1N1.

Katanya, mereka tidak termasuk 43 pelajar sebuah kelas dan 12 guru sekolah sama yang diarah tidak datang ke sekolah selama seminggu mulai semalam, untuk tujuan



H1N1 dan dinasihatkan segera mendapatkan rawatan jika terdapat simptom penyakit itu.

Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), SRK Assunta 1, C Mahavishnu, berkata Kementerian Pelajaran sepatutnya mengambil tindakan menutup sesi persekolahan SRK Assunta 1 selama seminggu, kerana pelajar sekolah itu turut berkongsi bangunan yang sama dengan pelajar SRK Assunta 2.

"Memang bukan pelajar sesi petang yang dikesan menghidap wabak H1N1 tetapi jika Kementerian membuat keputusan SRK Assunta 2 perlu ditutup selama seminggu, tindakan yang sama perlu dilakukan ke atas pelajar SRK Assunta 1, kerana kami ber-

nya sesi persekolahan petang turut ditutup, kerana saya khuatir kehadiran pelajar ke sekolah akan memudahkan wabak penyakit itu merebak," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Ali-muddin Mohd Dom meminta ibu bapa supaya tidak panik berikutan penularan wabak itu di beberapa sekolah di sekitar Lembah Klang.

Beliau berkata, pihaknya sudah mengambil langkah proaktif dengan kerjasama Kementerian Kesihatan bagi menangani masalah itu.

"Semua guru besar dan pengetua memantau setiap hari

kuarantin diberikan penularan kes H1N1.

"Lebih 90 peratus pelajar datang ke sekolah hari ini (semalam). Pihak sekolah sudah diminta lebih peka terhadap wabak ini dan segera menghantar guru atau pelajar yang mengalami simptom H1N1 ke hospital untuk rawatan," katanya ketika ditemui di pekarangan sekolah itu.

Tinjauan di SMK Seksyen 9, mendapati pihak sekolah mengemukakan program penyampaian taklimat oleh Jabatan Kesihatan Selangor (JKS) kepada sekumpulan ibu bapa pelajar terbabit mengenai garis panduan langkah pencegahan

Bapa yang diarahkan pulang semalam, Zawawi Shamroz, 55, berkata beliau dan anaknya baru pulang dari mengerjakan umrah di Makkah, dua hari lalu dan tiada masalah ketika melalui pemeriksaan ketat di lapangan terbang.

"Menurut anak saya, dia adalah antara 15 pelajar sekolah itu yang diarahkan pulang kerana baru balik dari luar negara," katanya.

Sementara bapa pelajar yang diarahkan tidak hadir, Bakri Mad Salleh, 53, berkata beliau akur dengan arahan supaya anaknya dikuarantin di rumah.

Beri kerjasama kawal penularan: Najib

PUTRAJAYA: Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mahu semua pihak memberikan kerjasama penuh terhadap langkah untuk mengawal penularan wabak Influenza A (H1N1) bagi mengelakkan keadaan bertambah buruk.

"Saya sebenarnya amat prihatin... saya benar-benar prihatin dan berharap segala langkah yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri (Tan Sri Muhyiddin

“Saya harap semua pihak memberi kerjasama kerana langkah ini adalah untuk mencegah penyakit ini daripada terus merebak**”**

Najib Razak
Perdana Menteri

Yassin akan membawa hasil).

"Saya harap semua pihak dapat memberi kerjasama kerana langkah-langkah ini adalah untuk mencegah penyakit ini daripada terus merebak dan penyakit ini amat mudah merebak kerana ia bukan satu jenis penyebaran yang boleh berlaku dengan cara mengejut dan kita mesti menghindari apa-apa yang telah dinasihatkan untuk mengelak perka-

ra ini menjadi lebih buruk lagi," katanya.

Katanya kepada pemberita selepas memberi ucapan utama pada Persidangan Ketua-ketua Perwakilan Malaysia di luar negara kali ketujuh di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas keadaan terkini H1N1 di negara ini termasuk penutupan dua sekolah di Lembah Klang selepas dua pelajarnya didapati positif menghidap penyakit itu.





SEBAHAGIAN pelajar SRK Assunta 1 dan 2, Petaling Jaya (gambar bawah) memakai topeng muka ketika menghadiri persekolahan sebagai langkah berjaga-jaga jangkitan wabak H1N1.

Lapan lagi kes Influenza A dikesan

KUALA LUMPUR: Kes positif Influenza A (H1N1) di negara ini terus meningkat apabila lapan lagi kes dikesan di seluruh negara termasuk tiga jangkitan tempatan, menjadikan jumlah keseluruhan kes mencecah 58.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Mohd Ismail Merican, berkata tiga kes jangkitan tempatan itu turut membabitkan murid 11 tahun dari Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK) Assunta 2, Petaling Jaya, menjadikan kes keseluruhan jangkitan tempatan bertambah kepada tujuh.

Beliau berkata, kes ke-51 membabitkan kanak-kanak berumur tiga tahun, yang baru pulang bercuti dari Melbourne, Australia bersama ibu bapanya dengan menaiki Penerbangan Malaysia (MAS) MH148 (barisan tempat duduk 12), pada 19 Jun lalu jam 8.30 malam.

"Kanak-kanak itu dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh (HSB) pada Sabtu kerana mengalami demam dan disahkan positif pada Ahad sebagai kes import.

"Dengan ini, penumpang yang menaiki penerbangan sama dan duduk di antara baris 9 hingga 15 diminta menghubungi Pejabat Kesihatan daerah terdekat bagi mendapat nasihat kesihatan lebih lanjut," katanya dalam kenyataan.

an akhbar yang dikeluarkan di sini, semalam.

Beliau berkata, kes ke-52 ialah seorang lelaki warga Malaysia berumur 35 tahun yang juga pramugara Mas.

"Lelaki terbabit adalah petugas penerbangan MH1 Delta dari London ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan tiba pada jam 4.30 pagi Khamis lalu dan mengalami simptom mulai Jumaat lalu.

"Beliau dimasukkan ke HSB pada 20 Jun 2009 dan disahkan positif pada 21 Jun lalu sebagai kes import," katanya.

Katanya, kes ke-53 ialah seorang wanita warga Malaysia berumur 37 yang melancong ke Sydney, Australia, bersama suaminya pada 4 hingga 16 Jun lalu.

Katanya, beliau pulang melalui penerbangan MH122 (tempat duduk 32A) tiba di KLIA pada jam 8.30 malam Selasa lalu.

"Wanita terbabit mula sakit pada 19 Jun lalu dan dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) pada 20 Jun. Beliau disahkan positif pada 21 Jun sebagai kes import," katanya.

Beliau berkata, kes ke-54 pula membabitkan seorang wanita warga Malaysia berumur 25 tahun yang juga kontak kepada kes ke 48 dan menjadi kes jangkitan tempatan kelima.

Katanya, wanita itu mula

mengalami demam dan batuk pada Jumaat lalu dan dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Star, pada Sabtu dan disahkan positif semalam.

Dr Ismail berkata, kes ke-55 pula ialah seorang remaja wanita warga Malaysia berumur 18 tahun juga kontak kepada kes ke 48.

"Beliau mengalami demam dan batuk pada Jumaat lalu dan dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Star, pada Sabtu dan disahkan positif semalam. Beliau adalah kes jangkitan tempatan kenam," katanya.

Beliau berkata, kes ke-56 ialah seorang lelaki, ahli perniagaan warga negara Malaysia yang pergi ke Manila pada 11 hingga 15 Jun lalu dan pulang melalui penerbangan MH705 (barisan tempat duduk 37) tiba di KLIA pada jam 4.50 petang Isnin lalu.

Dr Ismail berkata, kes ke-57 membabitkan seorang lelaki warga Malaysia yang bercuti di Phuket, Thailand, bermula dari 16 hingga 21 Jun lalu.

Katanya, beliau pulang melalui penerbangan AirAsia AK 837 (tempat duduk 12A) dan tiba di Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) di sini, semalam.

Beliau dimasukkan ke HSB semalam dan disahkan positif pada hari sama.

Lebih 900 pelajar, kakitangan dikuarantin

DARI MUKA 1


"Murid itu adalah kontak kepada kes ke-43, tetapi berlainan kelas," katanya pada sidang media di Lobi Parlimen di sini, semalam.

Berikutan itu, lebih 900 pelajar dan kakitangan SRK Assunta 2 dikuarantin di rumah masing-masing sehingga 28 Jun ini.

"Kita minta pelajar dan kakitangan sekolah itu jangan menghadiri sebarang majlis dan mengunjungi tempat awam serta pusat tuisyen sehingga arahan seterusnya dikeluarkan bagi mengelak penularan wabak itu," katanya.

Kelmarin, Kementerian Kesihatan mengarakkan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Jalan Davidson di sini, ditutup seminggu berikutan tiga pelajarinya disahkan dijangkiti wabak Influenza A (H1N1).

Arahan penutupan itu



ROSIDAN WAHID | BERITA HARIAN

IBU bapa yang hadir mengambil peralatan pencegahan Influenza A (H1N1) di Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 9, Shah Alam, semalam.

Pelancongan negara belum tergugat

KUALA LUMPUR: Sektor pelancongan negara masih belum menerima tempias akibat jangkitan Influenza A (H1N1) secara drastik walaupun 58 kes termasuk tiga kes jangkitan tempatan H1N1 dikesan di seluruh negara, sehingga semalam.

Timbalan Presiden Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (Matta) dan Persatuan Hotel Malaysia (MAH), Datuk Mohd Khalid Harun, berkata ahli Matta dan MAH masih belum menerima sebarang pembatalan yang drastik atau penang-

guhan perjalanan ke luar negara termasuk ke negara yang dilanda wabak berkenaan oleh rakyat tempatan dan mereka yang ingin datang ke Malaysia.

Bagaimanapun, katanya beliau tidak menolak keadaan itu mungkin berubah jika wabak berkenaan terus meningkat di negara ini.

"Kita masih belum menerima sebarang pembatalan yang drastik ataupun penangguhan perjalanan ke luar negara oleh rakyat tempatan. Begitu juga dengan mereka yang ingin datang ke Malaysia.

"Mungkin kesan wabak ini masih belum dirasakan dan kita akan terus memantau perkembangan ini," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Katanya, pihaknya akan menjalankan satu tinjauan dalam tempoh beberapa hari lagi bagi melihat sejauh mana kesan wabak itu terhadap ahli Matta.

Beliau juga meminta semua pihak perlu lebih proaktif mempromosikan industri pelancongan dan memberi penerangan yang terkini mengenai situasi sebenar wabak itu di negara ini.

dibuat selepas mendapat persetujuan Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Pelajaran.

Liow menjelaskan, arahan penutupan satu kelas di empat sekolah terbabit dikeluarkan selepas masing-masing mencatat satu kes import.

Ditanya sama ada kerajaan akan melarang rakyat melawat negara yang dilanda wabak H1N1, terutama Australia dan Amerika Syarikat, Liow berkata, sebarang tindakan akan dibuat berbandukan nasib perjalanan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

"Kita tidak mempunyai kuasa melarang, tetapi meminta rakyat merancang perjalanan bagi mengelak dijangkiti wabak itu," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Ismail Merican dalam kenyataannya, berkata lapan kes baru dikesan di seluruh negara semalam termasuk tiga jangkitan tempatan, menjadikan jumlah keseluruhan kes mencecah 58.

Beliau berkata, semua lima kes import dan tiga jangkitan tempatan itu membabitkan warga Malaysia termasuk murid SRK Assunta 2 itu.